In another development, he said the ministry would develop the 'kerang' (mussel) industry in several districts in the state to ensure the industry flourished.

He said this was because the industry was seen to generate revenue and to ensure that the mussel supply is not pushed to the point of extinction in addition to maintaining the quality of production.

"About a shellfish hub like on the Pontian coast to Muar will be very convenient in terms of ecosystem and we will develop this industry. I see the potential we will develop in the future," he said. — Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Salahuddin : NAFAS will be transferred into public corp | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 02 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 322 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,050 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,151 |





沙拉胡丁出席农民、畜牧及渔民日庆典后，对农民摊档所出售的产品，非常感兴趣。

# 农民组织转公共机构

## 沙拉胡丁：强化发展

（新山1日讯）农业及农基工业部相信将全国农民组织（NAFAS）转换成为一个公共机构，有助于加强该组织。

农业及农基工业部长拿督斯里沙拉胡丁指出，该组织拥有极大的发展潜能，而他已准备好提供任何协助，期望能够将之打造成为农业部的主要贡献单位。

"我相信随着全国农民组织于1月份重组，新的管理层正积极制定新的业务计划。"

沙拉胡丁是于今日出席2019年全国农民、畜牧及渔民日庆典时这么说。

他希望，该组织能够维持诚信，不要有任何行差踏错，而他也深信该组织能够发展得更好，并愿意肩负领导责任，提供明确的指导。

沙拉胡丁指出，参与2019年全国农民、畜牧及渔民日庆典的人次到了今日上午已达到43万人次，达到2600万令吉的销售额，预计总额可以突破3000万令吉的目标。

这项活动主题是"我们的食物，我们的未来"，共有来自全国各地350名企业家、养殖者和渔民参加。

主办方今年特将活动分成食物与饮料、生活方式、福利、农产品、农业技术以及人力资本发展等六项主要项目。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 5,449 usahawan terima geran agropreneur muda | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 02 Dec 2019 | Color | Black/white |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 12 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 119 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,333 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,998 |



# 5,449 usahawan terima geran agropreneur muda

**PAMERAN** Agro Belia menerima kunjungan seramai 2,500 anak muda dari pelbagai latar belakang untuk mendapatkan maklumat berkaitan bantuan geran dan pembiayaan perniagaan.

Ruang pameran disertai tiga agensi iaitu Unit Agroprenuer Muda, Kemahiran Pertanian dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dengan pelbagai aktiviti disediakan kepada pengunjung.

Pengarah Unit Agroprenuer Muda, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Mohamad Ezri Shamsuddin berkata, pihaknya turut menampilkan beberapa ikon usahawan yang merupakan penerima geran dan pembiayaan agropreneur muda.

Menurutnya, seramai 5,449 usahawan muda menerima bantuan melalui geran agropreneur muda, pembiayaan Agrobank dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN ) Nasional sejak 2016 hingga Oktober tahun ini.

"Daripada jumlah itu, seramai 5,397 orang ialah penerima geran agropreneur muda berjumlah RM91.8 juta.

"Bagi tahun 2020, kementerian memperuntukkan geran berjumlah RM20 juta dan permohonan dibuka mengikut tiga fasa selama sebulan.

"Fasa pertama pada Januari dan fasa kedua pada Mei serta seterusnya September. Bantuan geran agropreneur muda dalam bentuk barangan bagi mempertingkatkan produktiviti usahawan," katanya.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/12/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 6 |




*Salahuddin memakai baju MAHA 2020 sebagai gimik pelancaran pada majlis penutup sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2019 di Johor Bahru, semalam.* (Foto Mohd Azren Jamaludin/BH)

# Tukar NAFAS jadi agensi awam perluaskan potensi

## Pelbagai pihak sedia bantu pertubuhan tingkat sektor pertanian

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

**Johor Bahru:** Pertukaran status Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menjadi agensi awam berupaya memperhebatkan entiti itu, di samping memperluaskan potensinya.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata NAFAS berpotensi besar untuk dimajukan dan pelbagai pihak bersedia membantu menunjuk arah jelas untuk pertubuhan itu menjadi penyumbang utama dalam sektor pertanian negara.

"Selepas NAFAS dihidupkan semula Januari tahun depan, pengurusan baharu rancak memperhebat dan mempergiat usaha memulihkan NAFAS dan mengemukakan pelan perniagaan mereka.

"Satu daripada aktiviti perniagaan dan peranan mereka dapat dilihat menerusi penganjuran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK).

"Saya ingin berpesan, NAFAS perlu jaga integriti dan jangan berlaku penyelewengan, NAFAS boleh dimajukan, malah saya bersedia memimpin, beri panduan dan arah jelas untuk NAFAS menjadi pemain industri besar dalam pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan majlis penutup HPPNK 2019 di Angsana Mall, di sini, semalam.

> *Saya ingin berpesan, NAFAS perlu jaga integriti dan jangan berlaku penyelewengan, NAFAS boleh dimajukan, malah saya bersedia memimpin.*
>
> *Salahuddin Ayub, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Tosrin Jarvanthi.

Kelmarin, Salahuddin berkata, kementerian sudah menulis surat kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, bagi menukar status NAFAS kepada agensi awam bagi membolehkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat pertubuhan berkenaan pada bila-bila masa.

Dalam perkembangan lain, Salahuddin berkata, seramai 430,000 pengunjung hadir ke Ekspo HPPNK di Angsana Mall dengan jumlah transaksi tunai dan kredit bernilai kira-kira RM26 juta direkodkan sehingga jam 10 pagi semalam.

## Cadangan kementerian perlu diperjelas elak salah faham

**Kuala Lumpur:** Syor Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menukar status Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) kepada agensi awam, perlu diperjelaskan secara menyeluruh.

Pengerusi NAFAS, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi, berkata ia bagi mengelak timbul salah faham dan percanggahan fakta berkaitan penubuhan pertubuhan itu.

Katanya, NAFAS ditubuhkan kerajaan menerusi Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109) sebagai sebuah badan berkanun, pada Mac 1972.

NAFAS ditubuhkan dengan struktur tiga peringkat iaitu Pertubuhan Peladang Negeri, Pertubuhan Peladang Kawasan dan ahli, membabitkan seramai 921,931 anggota di seluruh negara.

"Saya kurang jelas dengan syor Salahuddin kerana NAFAS memang agensi awam, bukannya swasta.

"NAFAS juga tidak didaftarkan melalui Pendaftar Pertubuhan (ROS), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mahu pun Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

"Malah, kerajaan mempunyai kuasa untuk membuat rombakan ke atas Ahli Jemaah Pengarah (AJP) NAFAS mengikut kesesuaian pentadbiran," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Salahuddin dilaporkan menulis surat kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bagi menukar status NAFAS kepada agensi awam, bagi membolehkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat pertubuhan itu pada bila-bila masa.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/12/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI PAHANG | 33 |

# Penuhi keperluan musim tengkujuh

***FAMA pastikan 38 pasar tani sedia barangan mencukupi untuk pengguna***

NOR KHALILAH GUSTI HASSAN

KUANTAN



Dua dari kiri: Mejar Rosli, Noh dan Fakhrul ketika acara penyampaian sumbangan Kongsi Rezeki di Pasar Tani UTC semalam.



Seramai 80 peserta khatan sekitar Parlimen Kuantan disembur air oleh pihak bomba.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Pahang berusaha memenuhi keperluan pengguna pada musim tengkujuh.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Pahang, Noh Wan berkata, pihaknya akan memastikan 38 pasar tani di seluruh Pahang dibekalkan dengan barangan yang diperlukan pengguna.

"FAMA perlu tingkatkan usaha memenuhi keperluan itu walaupun pada musim tengkujuh," katanya ketika ditemui media sempena perasmian program Khatan Perdana di Pasar Tani UTC di sini semalam.

Hadir sama, Pegawai Komunikasi Korporat FAMA Pahang, Mejar Rosli Zakaria dan wakil Pejabat Parlimen Kuantan yang juga Pegawai Tugas-Tugas Khas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama), Fakhrul Anuar Zulkawi.

Beliau berkata, komitmen FAMA terbukti apabila nilai jualan pasar tani di seluruh negeri Pahang tahun ini mencecah RM50 juta menunjukkan peningkatan sebanyak RM6.8 juta berbanding RM43.2 juta tahun lalu.

Dalam pada itu katanya, FAMA turut menganjurkan program Jom Kongsi Rezeki iaitu sumbangan makanan mentah kepada asnaf, fakir dan golongan B40 melalui Yayasan Ihsan Prihatin yang mengutamakan penduduk setempat sekitar tapak pasar tani terpilih.

"Bahan makanan mentah Jom Kongsi Rezeki ini ialah sumbangan usahawan dan pengunjung Pasar Tani di bawah program My Food For Ummah (MF4U) dan Food Bank Malaysia.

"Ini kali kedua di Pahang dan insya-ALLAH akan diperluaskan seluruh negeri dengan menyasarkan 14 lokasi pasar tani terpilih iaitu Beserah, Taman Impian, Balok, Bandar Pekan, River Front Pekan, Chini, Bandae Rompin, Muadzam Shah, Cameron Highlands, Temerloh, Bandar Maran dan Jengka," katanya.

Menurutnya, setiap lokasi akan melibatkan minimum 30 penerima membabitkan sumbangan kira-kira RM21,000 sebulan.

Sementara itu, Fakhrul Anuar berkata, seramai 80 kanak-kanak yang bakal dikhatankan pada 8 Disember ini diraikan dengan semburan air bomba pada program itu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/12/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 19 |

# LPP galak peladang guna teknologi tingkat pendapatan

FOTO: ZAHID IZZANI



Azulita melihat hasil pertanian yang dipamerkan di HPPNK 2019, Johor.



Azulita menunjukkan produk jenama Peladang yang dipromosikan di HPPNK 2019, Johor.

JOHOR BAHRU – Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) berusaha meningkatkan pendapatan peladang menerusi penggunaan teknologi.

Ketua Pengarah, Azulita Salim berkata, ia cara terbaik kerana negara membangun tidak lagi melaksanakan pertanian secara konvensional.

Katanya, dengan keluasan tanah agak terhad dan keadaan cuaca tidak boleh dikawal, kaedah terbaik adalah menggunakan teknologi untuk pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran.

"Bagi urus niaga pula, kita menggalakkan peladang menggunakan teknologi internet untuk segalanya (IoT) supaya mereka boleh mendapat hasil jualan serta-merta ketika proses penjualan berlaku," katanya.

Azulita berkata, LPP akan menonjolkan kejayaan bisnes model dan membuat replikasi menerusi tinjauan potensi peladang yang dibuat di peringkat negeri.

Menurutnya, sebelum ini bidang pertanian digambarkan sebagai 3D (*dirty, dangerous, difficult*), justeru pihaknya mahu menukar persepsi bahawa seseorang boleh duduk di kawasan berhawa dingin dan mengawal proses dalam pertanian hanya menerusi *smart phone*.

"Tetapi perkara itu tidak boleh dibuat dalam tempoh pendek, kita akan buat dengan kaedah sistematik," katanya.

Terdahulu, Azulita berkata, HPPNK 2019 dianjurkan dua tahun sekali bagi memperingati, menyanjungi dan menghargai sumbangan peladang, penternak dan nelayan sebagai pengeluar makanan negara.

Menurutnya, pelbagai teknologi dan kemodenan pertanian dipamerkan malah HPPNK turut menjadi platform peladang, penternak dan nelayan mempromosi barangan mereka.

"Kita dapati ada barangan keluaran mereka berpotensi dan 'seksi' untuk diketengahkan tetapi mereka tiada platform untuk memperomosikannya.

"HPPNK sebagai satu platform untuk mempromosi dan memasarkan barangan mereka dan ternyata sambutan pengunjung sungguh menggalakkan," katanya.

Beliau berkata, lebih 300,000 pengunjung ke HPPNK 2019 yang berlangsung di Angsana Johor Bahru Mall di sini sejak Khamis lalu.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Selesaikan segera agihan benih padi | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 02 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 34 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 354 cm² |
| Journalist | WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR | AdValue | RM 7,505 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 22,514 |



# Selesaikan segera agihan benih padi

## *Harap MOA bertindak segera tangani masalah petani*

**WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR**

**ALOR SETAR**

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Amiruddin Hamzah berharap Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dapat menyelesaikan segera agihan benih padi dan baja subsidi di Kedah dan Perlis.

Menurutnya, di peringkat Kementerian Kewangan (MOF), peruntukan bagi input pertanian kepada MOA berjalan seperti biasa setiap tahun.

"Peruntukan sudah diberikan kepada MOA seperti sebelum ini namun difahamkan ada sedikit masalah di peringkat agihan baja apabila ada masalah daripada pembekal.

"Dalam isu bekalan benih dan baja subsidi ini, tiada masalah pun di peringkat MOF. Kami sudah salur peruntukan seperti biasa," katanya selepas merasmikan Program Back To School 2019 di sini semalam.



AMIRUDDIN

Beliau berkata, masalah itu mampu diselesaikan sekiranya pihak berkaitan tahu di mana tempat atau isu yang perlu diberikan keutamaan.

"Pengagihan itu sepatutnya disediakan pada kuantiti dan kualiti yang diperlukan, kepada siapa yang memerlukan dan kawasan mana yang perlukan. Apabila ia diagihkan pada sasaran yang betul maka masalah ini dapat diselesaikan dengan baik," katanya.

Amiruddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Anak Bukit berkata, masalah tersebut juga telah membuka ruang kepada segelintir pihak yang mengambil kesempatan ke atas kekurangan bekalan benih dan baja.

"Dulu masa agihan benih subsidi belum sampai, harga benih tanpa subsidi pun naik dan ini akan membebankan petani. Masalah sama juga berlaku dengan agihan baja.

"Dalam hal ini NAFAS (Pertubuhan Peladang Kebangsaan) selesaikan masalah ini segera kerana membabitkan lebih 900,000 ahli," katanya.

Terdahulu, Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Mat Zain berkata, berdasarkan laporan awal diterima kira-kira 20,000 beg baja yang dihantar membabitkan 27 Pertubuhan Peladang Kawasan MADA Kedah/Perlis.

Menurutnya, jumlah itu tidak cukup menampung permintaan seluruh 68,000 petani yang mengusahakan sawah dalam kawasan MADA dan jumlah baja yang belum dihantar adalah 1,890,000 beg.

Khamis lalu, *Sinar Harian* melaporkan petani di Perlis gusar berikutan baja bersubsidi belum sampai dan mendakwa aktiviti menabur benih sudah dilakukan kira-kira 40 hari lalu.




**Laporan *Sinar Harian* pada 27 November lalu.**

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/12/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI P.PINANG / KEDAH | 34 |

# Selesaikan segera agihan benih padi

### *Harap MOA bertindak segera tangani masalah petani*

WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

ALOR SETAR

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Amiruddin Hamzah berharap Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dapat menyelesaikan segera agihan benih padi dan baja subsidi di Kedah dan Perlis.



AMIRUDDIN

Menurutnya, di peringkat Kementerian Kewangan (MOF), peruntukan bagi input pertanian kepada MOA berjalan seperti biasa setiap tahun.

"Peruntukan sudah diberikan kepada MOA seperti sebelum ini namun difahamkan ada sedikit masalah di peringkat agihan baja apabila ada masalah daripada pembekal.

"Dalam isu bekalan benih dan baja subsidi ini, tiada masalah pun di peringkat MOF. Kami sudah salur peruntukan seperti biasa," katanya selepas merasmikan Program Back To School 2019 di sini semalam.

Beliau berkata, masalah itu mampu diselesaikan sekiranya pihak berkaitan tahu di mana tempat atau isu yang perlu diberikan keutamaan.

"Pengagihan itu sepatutnya disediakan pada kuantiti dan kualiti yang diperlukan, kepada siapa yang memerlukan dan kawasan mana yang perlukan. Apabila ia diagihkan pada sasaran yang betul maka masalah ini dapat diselesaikan dengan baik," katanya.

Amiruddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Anak Bukit berkata, masalah tersebut juga telah membuka ruang kepada segelintir pihak yang mengambil kesempatan ke atas kekurangan bekalan benih dan baja.

"Dulu masa agihan benih subsidi belum sampai, harga benih tanpa subsidi pun naik dan ini akan membebankan petani. Masalah sama juga berlaku dengan agihan baja.

"Dalam hal ini NAFAS (Pertubuhan Peladang Kebangsaan) selesaikan masalah ini segera kerana membabitkan lebih 900,000 ahli," katanya.

Terdahulu, Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Mat Zain berkata, berdasarkan laporan awal diterima kira-kira 20,000 beg baja yang dihantar membabitkan 27 Pertubuhan Peladang Kawasan MADA Kedah/Perlis.




Laporan *Sinar Harian* pada 27 November lalu.

Menurutnya, jumlah itu tidak cukup menampung permintaan seluruh 68,000 petani yang mengusahakan sawah dalam kawasan MADA dan jumlah baja yang belum dihantar adalah 1,890,000 beg.

Khamis lalu, *Sinar Harian* melaporkan petani di Perlis gusar berikutan baja bersubsidi belum sampai dan mendakwa aktiviti menabur benih sudah dilakukan kira-kira 40 hari lalu.

# APMM tahan bot langgar syarat lesen

GEORGETOWN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan sebuah bot nelayan tempatan kelas C selepas didapati melanggar syarat lesen dengan menangkap ikan di kawasan tidak dibenarkan.

Pengarah APMM Pulau Pinang, Kepten Maritim Hamizan Harun berkata, penahanan tersebut dilakukan menerusi Op Pertiwi pada kedudukan 13.2 batu nautika dari Barat Daya Pulau Kendi pada jam 3.35 petang kelmarin.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati empat lelaki warga Thailand iaitu tekong berusia 44 tahun dan tiga awak-awak berusia antara 24 hingga 49 tahun berada di atas bot.

"Turut ditemui dua gulung pukat tunda, dua papan tunda, ikan baja seberat 1,800 kilogram (kg) dan ikan campur seberat 500 kg.

"Kesemua nelayan yang ditahan dan barangan yang dirampas dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin Batu Uban untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat APMM Pulau Pinang untuk tindakan lanjut," katanya ketika dihubungi di sini.

Hamizan berkata, kesemua mereka dipercayai melakukan kesalahan mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985.

Orang awam diharap dapat melaporkan sebarang kejadian mencurigakan, kecemasan atau kemalangan di laut melalui talian kecemasan 24 jam iaitu MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Pulau Pinang di talian 04-2626146/04-2643650.



Bot nelayan tempatan yang ditahan kerana didapati melanggar kawasan tangkapan ikan kelmarin.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | APMM tahan bot nelayan langgar syarat lesen | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 02 Dec 2019 | Color | Black/white |
| Section | TEMPATAN | Circulation | 37,981 |
| Page No | 11 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 115 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 684 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,053 |



# APMM tahan bot nelayan langgar syarat lesen

**GEORGE TOWN:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia(APMM) Pulau Pinang menahan sebuah bot nelayan tempatan Kelas C yang melanggar syarat sah lesen iaitu menangkap ikan di kawasan kurang 15 batu nautika dari daratan terhampir dan merampas 2,300 kilogram (kg) pelbagai jenis hasil laut, semalam.

Pengarahnya Kept Maritim Hamizan Harun berkata bot nelayan itu ditahan di kedudukan 13.2 batu nautika dari Barat Daya Pulau Kendi, dekat sini pada 3.35 petang dalam Op Pertiwi.

"Hasil pemeriksaan mendapati terdapat seorang tekong lelaki warga Thailand berumur 44 tahun bersama tiga awak-awak dari negara sama berusia 24 hingga 49 tahun.

"Mereka ditahan kerana melakukan kesalahan menurut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 iaitu melanggar syarat sah lesen dan menggunakan kru warga asing tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.

Hamizan berkata pihaknya merampas bot nelayan itu bersama dua gulung pukat tunda, dua papan tunda, ikan baja sebanyak 1,800kg dan pelbagai jenis ikan 500kg untuk siasatan lanjut.

Menurutnya, APMM Pulau Pinang memandang serius terhadap kesalahan menurut Akta Perikanan 1985 terutamanya kesalahan melibatkan aktiviti menangkap ikan di luar dari zon yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia kerana boleh memusnahkan hasil laut. — Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sabah terokai potensi komersialkan ketam laut dalam | | |
| MediaTitle | Sarawak Voice (sarawakvoice.com) | | |
| Date | 02 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Sabah terokai potensi komersialkan ketam laut dalam

SANDAKAN: Sabah, bakal membuat penerokaan secara serius dalam pengkomersialan ketam laut dalam selepas pusat penetasan ketam pertamanya mula mengeluarkan hasil yang agak memberangsangkan.
Menteri Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sarawak Datuk Junz W...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | The modern machine | | |
| MediaTitle | Malaysian Nanban | | |
| Date | 02 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 65,000 |
| Page No | 3 | Readership | 415,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 117 cm² |
| Journalist | NULL | AdValue | RM 681 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,042 |



# நவீன இயந்திரம்!



ஜொகூர்பாரு, டிச.2-

நாட்டின் துரித வளர்ச்சிக்கு ஏற்ப விவசாயம் மற்றும் விவசாயம் சார்ந்த தொழிலியல் அமைச்சு குடியானவர்களுக்கும் விவசாயிகளுக்கும் அதிநவீன தொழில் நுட்பம் நிறைந்த இயந்திரங்களையும் கருவிகளையும் அறிமுகப்படுத்தி வருகிறது.

இதன் வழி விவசாயிகள் மற்றும் குடியானவர்களின் வருமானம் உயரும் அதேவேளையில், நாட்டின் உணவு உற்பத்திக்கு ஏற்ப அவர்கள் தங்களின் உற்பத்தியையும் அதிகரித்துக் கொள்ள முடியும் என்று விவசாய அமைச்சின் (நிர்வாகம் மற்றும் மேம்பாடு) துணைத் தலைமை இயக்குநர் டத்தின் ஜாத்தி அலியா திமின் கூறினார்.

நெல் அறுவடை செய்வது, இதர பயிர்களைப் பறிப்பது உட்பட விவசாயத் துறையில் பல்வேறு அதிநவீன இயந்திரங்களைப் பயன்படுத்துவதே அமைச்சின் தலையாக நோக்கமாகும் என்றும் அவர் சொன்னார்.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sabah terokai pengkomersialan ketam | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 02 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | EKONOMI | Circulation | 37,981 |
| Page No | 34 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 463 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,314 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 12,943 |



# Sabah terokai pengkomersialan ketam

SANDAKAN: Sabah, bakal membuat penerokaan secara serius dalam pengkomersialan ketam laut dalam selepas pusat penetasan ketam pertamanya mula mengeluarkan hasil yang agak memberangsangkan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sabah Datuk Junz Wong berkata pusat itu, yang telah dilancarkan pada Mei lepas di Sungai Kayu, dikendalikan oleh Bahvest Resources Bhd telah menghasilkan lebih daripada setengah juta anak ketam yang merangkumi tiga spesies utama iaitu ketam lumpur gergasi, ketam bunga dan ketam batu.

"Terima kasih kepada Pengarah Urusan Bahvest Resources Datuk Lo Fui Ming di atas usahanya, kita sekarang ini, boleh menikmati ketam tempatan yang berkualiti dengan harga yang berpatutan dalam empat atau lima bulan lagi," katanya kepada pemberita semasa melawat pusat itu semalam.

Wong ketika bercakap mengenai pengkomersialan ketam Sabah, memberitahu tumpuan sekarang ini adalah bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan, termasuk di Semenanjung Malaysia.



PENERANGAN ... Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah Datuk Junz Wong (kiri) diberikan penerangan mengenai penternakan ketam oleh Pengarah Urusan Bahvest Resources Berhad Datuk Lo Fui Ming ketika melawat ladang penternakan dan penetasan ketam di Sungai Kayu semalam. - Foto BERNAMA



BEGINI CARANYA ... Menteri Pertanian dan Industri MAkanan Sabah Datuk Junz Wong (kanan) diberikan penerangan mengenai konsep penternakan ketam secara terbuka serta mengekalkan alam semulajadi oleh Pengarah Urusan Bahvest Resources Berhad Datuk Lo Fui Ming ketika melawat ladang penternakan dan penetasan ketam di Sungai Kayu semalam. - Foto BERNAMA

Secara beransur-ansur, beliau menambah, ketam Sabah akan dieksport ke negara lain seperti Singapura dan China.

"Dengan kejayaan ini, lebih banyak petani akan berpeluang untuk menceburi bidang penternakan ketam.

"Kerajaan negeri juga berharap untuk membantu penduduk kampung, graduan yang menganggur dan belia dalam penternakan ketam supaya mereka dapat meningkatkan pendapatan serta menyumbang ke arah penghasilan bekalan ketam yang mencukupi bagi pasaran tempatan dan luar negara," katanya.

Menurut Wong, kerajaan negeri melalui Bahvest Resources sekarang ini sedang mengusahakan penternakan ketam lumpur di sebuah kawasan bakau seluas lima ekar berhampiran pusat ber- kenaan.

Sementara itu, Lo berkata anak ketam yang berusia antara 20 hingga 25 hari itu akan dipindahkan ke ladang ketam Bahvest Resources yang terletak di kawasan persisiran pantai Silam, Lahad Datu untuk proses pembesaran, yang akan mengambil masa kira-kira empat atau lima bulan. - Bernama

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/12/2019 | HARAKAH | NEGERI | N13 |

# Daging halal eksport ke Timur Tengah

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

**KOTA BHARU:** Kelantan bakal menjadi pembekal utama daging halal bagi pasaran tempatan dan antarabangsa.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, sebuah syarikat akan mengusahakan penternakan lembu, kambing dan biri-biri di kawasan seluas 100 ekar di Kampung Pek Machang.

Katanya syarikat terbabit iaitu Oryx Venture Sdn Bhd berpangkalan di Qatar.

"Oryx Venture sudah memulakan kerja-kerja penyediaan makanan ternakan seperti rumput dan jagung.

"InsyaAllah sasaran mereka pada 2022 dapat memasarkan daging ternakan tersebut," katanya selepas Majlis Penyerahan Sangkar Arnab dan Perasmian Rumah Sembelihan Arnab di Kampung Buloh Poh baru-baru ini.



Anggota Exco melakukan gimik perasmian Rumah Sembelihan Arnab.

Turut hadir Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan Anuar al Sadat Nor dan Pengerusi Persatuan Penternak Arnab Pedaging Kelantan, Mohd Isyraf Syarafi Baharum.

Hadir sama Setiausaha Majlis Tindakan Dun (MTD) Kadok Abdul Aziz Mohamad.

Projek yang dijangka bermula tahun hadapan akan memberi manfaat kepada ribuan penduduk tempatan bagi merebut peluang pekerjaan.

Antaranya bekerja di ladang ternak, menyediakan makanan, menjaga lembu dan mengurus ladang.

Tuan Mohd Saripudin juga berkata, haiwan yang diternak akan dipasarkan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan.

Menurutnya juga daging halal akan dieksport ke Qatar dan negara-negara Timur Tengah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 2/12/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI SEMBILAN | 37 |

# Siap sedia hadapi bencana

*Termasuk banjir dan ribut ekoran musim tengkujuh*

NORAFIDAH ASSAN

JEMPOL

Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa bersiap sedia dalam menghadapi sebarang kemungkinan bencana termasuk banjir dan ribut ekoran musim tengkujuh.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, kerajaan negeri juga memberi jaminan akan mengemas kini maklumat tersebut dari masa ke masa.

"Semua sedia maklum masalah banjir ini akan berlaku sekiranya hujan melebihi tahap normal.

"Persediaan tersebut telah pun dilakukan sejak Oktober lalu dan kami akan sentiasa mengemaskini maklumat berkenaan agar tindakan susulan dapat dibuat," katanya selepas selesai melepaskan anak ikan baung dan tilapia di pertemuan Sungai Muar dan Sungai Jempol, Kampung Jambu Lapan, Bahau semalam.

Terdahulu, Aminuddin tiba di lokasi dengan diiringi seramai 266 belia Negeri Sembilan yang menyertai program Kembara Anak Muda sebelum meneruskan perjalanan ke Jelebu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, Asisten Komisioner, Che Zakaria Othman dan Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Sembilan, Sabarudin Yeop Hamza.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, sebanyak 20,000 anak ikan telah dilepaskan di sungai tersebut.

"Usaha ini nanti akan menjadi salah satu sumber pendapatan penduduk di sepanjang sungai ini," katanya.



Aminuddin (baris dua, tiga dari kanan) bersama belia Negeri Sembilan sebelum melepaskan anak ikan di pertemuan Sungai Muar dan Sungai Jempol semalam.




| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/12/2019 | MINGGUAN AMANAH | NEGERI | N24 |

# Mengapa nelayan sokong BN walaupun nasib tidak dipeduli?

Oleh **SITI NUR ZAWANI MISCON**
Foto **SYAFIQ ISKANDAR**

**DUA** hari sebelum pengundi Parlimen Tanjung Piai memilih wakil rakyatnya, *Mingguan Amanah* sempat meninjau pandangan nelayan di Jeram Batu, Kampung Pekan Nanas.

Memasuki perkampungan nelayan Melayu di situ, jelas kelihatan warna biru lebih mendominasi sekali gus tanda kawasan tersebut merupakan kubu kuat BN.

Apa yang menarik perhatian, Jeti Jeram Batu yang menjadi laluan utama nelayan di situ untuk memunggah hasil tangkapan didapati berkeadaan tidak selamat lagi untuk digunakan.

Walau bagaimanapun, rata-rata nelayan ditemui enggan mengakui bahawa usangnya jeti kawasan mereka adalah hasil pengabaian BN ketika menguasai kerajaan pusat dan negeri sebelum PRU-14.

Malah, salah seorang nelayan, Azrin Yusof, 42 memberi bayangan golongan itu akan beralih memberi undi kepada BN kerana kerajaan Pakatan Harapan (PH) kononnya tidak membela nasib nelayan yang menyebabkan rakyat mula kecewa dengan taburan janji.

Bantuan khas kepada nelayan sebanyak RM2,000 yang dipotong separuh menjadi RM1,000 juga dikatakan tidak mengujakan mereka.

"Dulu ramai nelayan tapi kenapa sekarang tinggal 27 sahaja nelayan



*Azrin Yusof*

berdaftar? Kerana keadaan kami dipinggirkan dan tidak diberi perhatian. Sebab tu semua pindah, tak boleh cari makan.

"Kalau rakyat Malaysia terutama Tanjung Piai tak sedar lagi, tak tahulah nak cakap. Bukan sekadar BN kuat, tapi juga lebih perhatian," katanya.

Biarpun mengetahui bahawa peruntukan telah diluluskan untuk menaiktaraf tiga jeti nelayan termasuk Pengkalan Hulu dan Sungai Boh, Azrin dan beberapa nelayan yang lain enggan mempercayai janji itu.

Namun, melalui pengamatan, kumpulan nelayan itu sebenarnya tidak jelas dengan bantuan dan inisiatif kerajaan untuk menaiktaraf kehidupan mereka yang lebih memilih untuk menonjolkan sikap lepas geram.

Azrin dan beberapa nelayan yang lain juga lebih rela mengundi BN biarpun jeti usang berusia hampir 20 tahun itu tidak pernah dinaiktaraf semasa di bawah pentadbiran parti pembangkang, yang juga merupakan calon bertanding bagi pihak BN.

Namun, melalui pengamatan, kumpulan nelayan tersebut sebenarnya masih tidak jelas dengan bantuan kerajaan untuk menaiktaraf jeti kawasan itu dan lebih memilih untuk bersikap lepas geram.

Namun begitu, penduduk tempatan, Abdul Rashid Nurong, 44, menyedari bahawa kerajaan dahulu tidak melakukan penaiktarafan yang sepatutnya, malah berharap kerajaan PH akan terus membantu golongan nelayan di situ.

Rashid berkata, ini masanya kerajaan membuktikan apa yang dijanjikan kerana sesiapa sahaja boleh berjanji.

"Nelayan pun bukan tak percaya kerajaan. Cuma kalau nak janji itu dan ini, kerajaan dahulu pun dah janji banyak. Rakyat nak tengok adakah pemimpin baru tunai tanggungjawab mereka. Orang kampung ini dia nak tengok baru mereka percaya. Kalau cakap je, tak boleh percaya.

"Cuma bila beri peluang kepada PH, ini lah masa dia nak tunjuk dia punya prihatin dan ajak rakyat undi dia sebagai kerajaan. Ini lah masa dia nak tunjuk balik jasa kepada rakyat yang dah sokong dia dahulu.

"Kalau kerajaan PH buktikan apa yang dia cakap, pengundi akan menilai. Saya punnak tengok pembaharuan untuk kampung saya," katanya lagi.



*Janji PH untuk menaik taraf jeti nelayan Jeram Batu gagal menarik sokongan nelayan.*